

06/05/1997

Daim soal 2 bekas pegawai Wanita

SUNGAI PETANI, Isnin - Jawatankuasa khas yang ditubuhkan Majlis Tertinggi (MT) Umno bagi menyiasat akaun kewangan Wanita Umno sudah memanggil dua bekas pegawai pergerakan itu bagi mendapat penjelasan.

Mereka ialah bekas Setiausaha Wanita Umno, Habshah Osman dan bekas Bendaharinya, Zainab Abu Bakar.

Bendahari Umno, Tun Daim Zainudin yang mengetuai jawatankuasa itu berkata, pihaknya sedang meneliti semua keterangan kedua-dua saksi itu dan akan menyiapkan laporan kepada MT tidak lama lagi.

"Jika perlu, lebih ramai saksi akan dipanggil memberi keterangan bagi membantu siasatan," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat pembangunan daerah Kuala Muda di Pejabat Daerah di sini, hari ini.

Awal bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Umno akan menyiasat akaun Wanita di bawah kepemimpinan lalu berikutan ada aduan mengenainya. MT juga mengarahkan akaun itu ditutup bagi menyiasat laporan berhubung wang berjumlah RM1.8 juta.

Ditanya sama ada siasatan awal jawatankuasa berkenaan mendapati kemungkinan ada penyelewengan dalam akaun berkenaan, Daim berkata: "Susah nak kata ... tunggulah sekejap, kita masih menyiasat."

Daim berkata, beliau belum membuat keputusan sama ada akan memanggil bekas ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz dan ketua sekarang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Jika perlu kita akan memanggil kedua-dua mereka untuk membantu dalam siasatan," katanya.

(END)